EMN: Maknanya tiadalah... tidak pernah dijadikan tempat berlindunglah pada zaman peperangan tuh... (tanya balik soalan) dia lebih kepada tempat yang orang nak insaf tu nak belajar agama apa semua tu dating kat sini [ini] tuh jumpa dengan arwah tengku bongsu, Ku Bongsu akan tolong kat situ.

AF: Apakah sejarah yang boleh diketengahkan tentang rumah tengku bongsu ini dengan zaman peperangan jepun dahulu?

EMN: Maknanya senibina dia jadi Jepun datang serang pun rumah ni [ini] tak dok [tidak ada] effect [kesan] ---tak dok peluru sebiji pun [tidak ada peluru sebiji pun]—(suara mencelah).. Peluru tak [tidak] dapat masuk dan tidak dapat tembus macam tuh, Jepun tidak dapat naik rumah tuh “jadi tidak pernah diamcamlah? – (tambahan pertanyaan)-- diamcam tetapi terkawal pada zaman jepun apa semua tuh yang dia tak [tidak] puas hati semua tuh [itu] kalau kira pemimpin semua tuh [itu] dia akan pergi serang dan yang mana tak [tidak] takluk kepada dia tuh dia akan ambil harta semua tapi rumah Ku Bongsu ni [ini] dia sampai depan tu [itu] lepas pada tu[itu] pergi rumah sebelah pulak.

AF: Adakah Rumah Tengku Bongsi ini banyak meninggalkan kesan yang tidak boleh dilupakan?

EMN: Ermm kesan dari segi mana tu [itu] memang saya tak [tidak] lupalah setakat saya nya tapi apa yang saya ceritakan sebelum ni [ini] itu sejarah daripada dulu tu [itu] memang tidak dilupakan daripada Ku Bongsu anak dia, cucu dia, cici dia pun lagi maknanya tidak dilupakan sebab bende tu [itu] memang bersejarah dan kesan yang paling ketara ialah *sentimental value* [nilai sentimental]--- (ketawa kecil).

AF: Ada strategi ke tidak yang diambil untuk mengawal Rumah Tengku Bongsu ini daripada teramcam?

EMN: Ada.. Contoh strategi yang utama sekali pesanan daripada Ku Bongsu dulu kepada saya sendiri ialah Arwah Ku Bongsu bagitau berserah kepada Tuhan. Sebenarnya itu sahaja strateginya, Tuhan tu Maha Kaya dan Maha Berkuasa (potongan ayat al-quran dibaca) Tuhan tu Maha Berkuasa, Tuhan tu ada Kudrat. Kudrat tu diberikan kepada manusia yang bernama insan, kudrat yang dizahirkan Tuhan terjalirkan kepada manusia tetapi Tuhan tu lah (potongan ayat al-quran dibaca) Tuhan yang Maha Berkuasa, bila kita faham bende tu semua bende akan selamat.

AF: Apa pendapat tuan tentang factor-faktor keutuhan senibina rumah tengku bongsu ini?

EMN: Dari segi faktor keutuhan tu [itu] ... (berfikir seketika) seni dia tuh seni pertukangan orang zaman dahulu tu [itu] maknanya dengan buatnya kemas dan faktor kayu cegal. Tu [itu] dengan faktor binaan dan faktor senibinanya.

AF: Sehingga kini, siapakah yang bertanggungjawab menguruskan rumah tersebut?

EMN: Anak bongsu kepada arwah Ku Bongsu yang menguruskan rumah tu [itu]

AF: Sehingga hari ini, Siapakah yang mendiami rumah tersebut?

EMN: Anak bongsu kepada arwah Ku Bongsu,... nama anak dia nye tu [itu] Cik Yah. Cik Yah ni [ini] nama sebenarnya Tengku Ratiyah rasanya.. (ketawa kecil)

AF: Adakah rumah tengku bongsu kini [ini] dijaga dengan keadaan yang terkawal atau tidak terkawal?

EMN: Ermm kalau dalam tu terkawal lah bersih lah. Kalau luar tuh sebab sekarang ni [ini] dalam beberapa minggu ni [ini] owner rumah tu taka da kat sini.

AF: Adakah rumah Tengku Bongsu ini pernah dibiarkan begitu sahaja?

EMN: Kalau zaman tu boleh kata tinggal kawasan sini lah. Pernah dibiarkan lah cuma tidak terusuk la semasa dibiarkan.

AF: Adakah rumah tengku bongsu sekarang telah diubah suai atau masih kekal seperti seni bina yang terdahulu?

EMN: Pernah paling kurang 3 kali ubah suai.

AF: Mengikut pandangan tuan, adakah rumah pernah mendapat pengiktirafan daripada arkib negeri?

EMN: Tidak secara rasminya (maksud dia macam mana tu [itu]?- penambahan pertanyaan).Pernah Cuma tidak disebar. Kalau zaman dahulu permintaan Ku Bongsu tu [itu] biar tidak disebar sebab dia nak [mahu] hidup tua dia tuh dia meninggal pun pada umurseratus lapan belas [118] tahun pada tahun dua ribu sebelas [2011] jadi maknanya tak [tidak] nak [mahu] orang ramai jadi tumpuan .

AF: Adakah pihak arkib pernah menawarkan untuk membayar rumah tengku bongsu untuk dijadikan sebagai rumah yang bersejarah?

EMN: Saya tidak pasti pihak arkib tapi ada beberapa pihak pernah menawarkan untuk membayarnya.

AF: Adakah keunikan dan senibina rumah tersebut turut dinilai untuk pihak arkib mendapatkan maklumat sejarah yang tercipta di rumah tersebut?

EMN: Tiadalah

AF: Apakah perasaan tuan apabila pihak laman sesawang pencinta sejarah Kelantan memperkenalkan rumah Tengku Bongsu ke dalam media social?

EMN: Perasaan nye saya bersyukur kerana bende ni [ini] dapat menyampaikan mana ada pengetahuan ilmu pengetahuan berkenaan dengan melayu berkenaan dengan sejarah ni [ini] kepada orang lain kepada generasi muda ni [ini] dapat tahu serba sedikit mana yang pihak saya boleh membantu.

AF: Adakah ia akan lebih mendapat perhatian daripada orang ramai untuk mengetahui Rumah Tengku Bongsu ini [ini]?

EMN: (wajah tenang)seharusnya jawapannya ye lah Cuma mengikut perancangan saya tu [itu] biarlah ni [ini] tahun depan maknanya baru saya bersedia la sikit maknanya saya pun ada masa yang rilek sikit untuk menerangkan apa-apa sikit.

AF: Adakah tuan merasa peninggalan Rumah Tengku Bongsu ini banyak memberi manfaat kepada keluarga dan kerabat tuan?

EMN: Banya... kalau untuk keluarga tu bila berkumpul kat [di] sini ni [ini] yang bergaduh apa semua tuh [itu] tak [tidak] jadi bergaduh (ketawa)--- *sentimental value*[nilai sentimental]-
--.

AF: Kerjayaan yang paling berjaya yang boleh dilihat tentang sejarah penubuhan rumah Tengku Bongsu ini?

EMN: Dari segi kerjayaan macam mana tu? . Dia rumah ni [ini] Ku Bongsu menbesarkan anak-anak dia tu berjaya dan anak-anak dia semua tu[itu] menjadi yang berguna semua tu[itu]

AF: Adakah ia akan menjadi rumah yang sentiasa dingati oleh banyak pihak disebabkan keutuhannya yang bergitu lama dan unit?

EMN: Untuk orang yang terbabit yang pernah datang rumah ni [ini] selalu juga datang melawat walaupun tak ada orang. (suara mencelah)—“Kira anak-anak cucu sir Anderson pun

pernah datang pada tahun lapan puluhan [80an] dalam Sembilan puluh enam Sembilan puluh tujuh [96 97] macam tu [itu] ada diaorang datang daripada London-)---

AF: Pada pendapat Tuan, adakah dengan mengetahui kewujudan rumah Tengku Bongsu ini? tersebut ia akan dapat menarik minat seseorang ke untuk mengetahui rumah ini?

EMN: Ada.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: PESANAN DAN HARAPAN BERKAITAN RUMAH TENGGU BONGSU

AF: Apakah harapan yang ingin diketengahkan terhadap penubuhan rumah tengku bongsu yang masih lagi utuh dan kekal hingga sekarang?

EMN : Harap tu seni bina macam ni [ini] dikekalkan, maknanya untuk keluarga tu dari segi seni bina membawa juga untuk keutuhan dia, silaturahim dengan keluarga jadi dari segi sifat pula nya dari segi masyarakat pula dangan sini bina nye tu macam ada balai seri ada, gelangan ada, tempat simpan padi adaa segala yang ada tu jadinya tempat tumpuan juga maknanya tempat untuk kegunaan ramai orang-orang lain, jiran-jiran, orang kampung boleh guna dari segi situ nya tu kita mangambil konsep ikhran dan ikhwan. Ikhran muslimin ialah tu mengutamakan saudara, ikhwan tu menjaga silaturam. Jadi dari segi seni [ini] bina tu dia berkait dengan konsep dalam agama, jadi yang sebenarnya tu seni [ini] bina berasaskan agama tujuanya kepada agama ikhran dan ikhwan mualimin.

AF: Adakah rumah tengku bongsu boleh dijadikan satu nilai sejarah yang tidak boleh dilupakan kerana berkait rapat dengan penyewa tentera British?

EMN: Itu ada salah satunya.

AF: Apakah pesanan yang boleh diterapkan kepada pelancong luar negara yang datang untuk melihat persekitaran rumah tengku bongsu?

EMN: *Just can see don't touch.* [hanya boleh melihat sahaja dan jangan sentuh]

AF: Apakah harapan tuan terhadap rumah ini jika pihak arkib negeri ingin membayar rumah tersebut untuk dijadikan satu sejarah yang menarik?

EMN: Harapannya jangan bayar jangan ambil. Tidak benarkan itu lah pesanan Arwah Tengku Bongsu.(walaupun harga tinggi sekali pun tak nak bagi.. penambahan..) saya sebagai cucu derhaka nanti.

AF: Adakah persepsi tuan jika keunikan senibina rumah ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang bernilai dari segi aspek sejarah yang berkait rapat dengan zaman dahulu?

EMN: Penglibatannya tu dengan semua dangan ada semuanya ni [ini] memang banyak berkait aspek sejarah. Cuma sejarahnya tu [itu] belum disebarakan lagi.

AF: Apakah pesanan yang boleh ditujukan untuk memberi perlindungan yang lebih mendalam terhadap rumah tengku bongsu?

EMN: Pesanan kepada siapa? Ke [kepada] diri sendiri ke [kepada] kepada orang lain? Kalau diri sendiri kena kukuhkan ekonomi sahaja supaya tidak tergadai. Seperti dikatakan tidak akan hilang melayu didunia ini apa semua ni [ini] kalau ekonomi tidak ada tergadai jaga,

ini kan gelang emas pun kita gadai. Kalau masyarakat *can see don't touch* la. [boleh lihat jangan sentuh]. (ketawa kecil)

AF: Adakah Tuan akan berharap orang akan mengambil tahu tentang kewujudan Rumah Tengku Bongsu ini?

EMN: Saya memang dalam agenda saya nya sebab sekarang ni [ini] pun sedang menyiapkan sebuah buku yang berkaitan ... dan sudah menyiapkan buku berkaitan Ku Bongsu dan perjalanan Ku Bongsu akan diterbitkan dibawah terbitan saya sendiri dan saya akan terbitkan lagi sebuah buku juga dengan kerja sama Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan (PPSK) berkenaan seni bina Rumah Tengku Bongsu dengan sejarah perjalanannya. In Sha Allah pada awal tahun depan akan *release* [terbit] tapi cerita pasal Ku Bongs itu dah siap Cuma belum terbitkan lagi.

AF: Apakah pesanan Tuan kepada orang diluar sana terhadap Rumah Tengku Bongsu?

EMN: Pesanan semua nya tu belajar la mana yang ada pesanan daripada Ku Bongsu sendirinya segala ilmu dia tahu dia sampaikan kepada anak cucu nya ni [ini] untuk disampai kepada semua, sebab ilmu tu [itu] untuk semua tiada ilmu yang tersembunyi.

AF: Apakah perancangan Tuan pada masa akan datang untuk Rumah Tengku Bongsu ini?

EMN: Perancangan saya ialah untuk megekalkan keaslian dia maknanya akan mengembalikan keaslian seperti masa kegemilangan nya dulu, bermakna masa kegemilangan dia tu [itu] pada tahun sembilan belas dua puluh sehingga sembilan belas tiga puluh [1920-1930], sebab masa tu [itu] Ku Bongsu muda lagi kei [kan]

TAMAT BAHAGIAN 5

SKRIPT PENUTUP

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai Rumah Tengku Bongsu bersejarah bersama Engku Mohammad Nazir Bin Raja Omar

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Engku Mohamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar yang bertujuan menceritakan mengenai beliau dan juga menceritakan tentang Rumah Tengku Bongsu.

MASA	SUBJEK	NAMA / TEMPAT / RUJUKAN
BAHAGIAN A: PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG		
1.48	Menceritakan tentang tempat lahir.	Machang, Kelantan
2.17	Menceritakan mengenai nama ayah	Ustaz Haji Raja Omar Bin Raja Daud Bin Abdullah
2.34	Menceritakan mengenai nama ibu	Engku Noor Binti Tengku Ismail Bin Ku Puteh

2.53	Menceritakan mengenai idola	Nabi Muhammad SWT, Engku Noor Binti Tengku Ismail Bin Ku Puteh (Ibu) dan Ku Bongsu
BAHAGIAN B: PENDIDIKAN DAN KERJAYA SEKARANG		
10.17	Menceritakan mengenai sekolah rendah	Sekolah Kebangsaan Hamzah, Machang
11.03	Menceritakan mengenai sekolah menengah	MRSM Kota Bharu.
11.15	Menceritakan mengenai pengajian di Universiti	University Of Sunderland, UK
12.55	Menceritakan mengenai perkerjaan awal	ERTIKA TWIN, Kuala Lumpur
13.40	Menceritakan mengenai menjadi guru	Kolej Kediawan Matrikulasi
14.15	Menceritakan mengenai menjadi akuanten yang sebenar	Pada tahun 2001

BAHAGIAN C: SEJARAH AWAL TENTANG RUMAH TENGGU BONGSU

16.23	Menceritakan mengenai nama sebenar Rumah Tengku Bongsu	Rumah Tengku Bongsu
17.21	Menceritakan mengenai tahun penubuhan Rumah Tengku Bongsu	Pada tahun 1908
19.02	Menceritakan mengenai tahun perasmian Rumah Tengku Bongsu	Pada tahun 1908
20.00	Menceritakan mengenai siapa yang merasmikan Rumah Tengku Bongsu	Ku Chekan Bakar (mertua Ku bongsu)
22.40	Menceritakan mengenai jumlah bilik di Rumah Tengku Bongsu	Lebih daripada Tujuh
23.27	Menceritakan mengenai keunikan Rumah Tengku Bongsu	Tidak menggunakan padu
24.35	Menceritakan mengenai keluasan Rumah Tengku Bongsu	Satu padang bola

25.31	Menceritakan mengenai seni bina Rumah Tengku Bongsu	Seni bina Melayu
26.30	Menceritakan mengenai keturunan diraja.	Long Ghafar yang Ke-5
28.07	Menceritakan mengenai siapa yang pernah tinggal di Rumah Tengku Bongsu	Keluarga dan Sir Anderson (DO British)
30.00	Menceritakan mengenai perompak di Rumah Tengku Bongsu	Pernah 2 kali
38.16	Menceritakan mengenai kesan yang tidak boleh dilupakan tentang Rumah Tengku Bongsu	Sentimental value
39.05	Menceritakan mengenai stretegi mengawal Rumah Tengku Bongsu	Berserah kepada Allah
41.05	Menceritakan mengenai siapa yang mendiami Rumah Tengku Bongsu tersebut	Engku Ratiah Binti Tengku Ismail (anak bongsu Tengku Ismail)

**BAHAGIAN C: PESANAN DAN HARAPAN BERKAITAN RUMAH TENGGU
BONGSU**

46.56	Menceritakan mengenai harapan Rumah Tengku Bongsu	Seni bina dikekalkan
48.23	Menceritakan mengenai pesanan kepada pelancong Rumah Tengku Bongsu	Just can see don't touch
49.05	Menceritakan mengenai harapan jika arkib ingin membayar Rumah Tengku Bongsu	Jangan bayar
52.00	Menceritakan mengenai buku berkaitan Tengku Bongsu	Bertajuk Bersama Atuk

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00 ptg – 4.00 ptg	12 Sep 2018	<p>Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral History dan Puan Nurulannisa memberi tahu tajuk kajian lisan pada tahun ini ialah bangunan bersejarah di daerah Machang.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan Puan Nurulannisa menyuruh setiap kumpulan memikirkan tempat untuk di buat kajian.</p>	<p>Membuat catatan tentang kajian lisan dan tajuk tugas yang perlu di lakukan.</p> <p>Menentukan siapa ahli kumpulan.</p>
8.00 mlm – 11 mlm	19 Sep2018	Mencari maklumat mengenai bangunan bersejarah di daerah Machang.	Mencari bangunan bersejarah di Google.

2.00 ptg – 4.00 ptg	26 Sep 2018	Kami mengusulkan tajuk yang telah kami kenal pasti kepada Puan Nurulannisa iaitu Rumah Tengku Bongsu.	Mendapat persetujuan daripada pensyarah.
2.00 ptg – 3.00 ptg	7 Okt 2018	Mengubungi Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar untuk bertanyakan kesudian beliau di temubual.	Mendapat bersetuju untuk di temubual.
2.00 ptg – 4.00 ptg	10 Okt 2018	Berbincang dengan pensyarah mengenai soalan yang akan ditanya kepada Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar.	Berbincang dan memperbetulkan soalan.
2.00 ptg – 4.00 ptg	17 Okt 2018	Menunjukkan semula soalan yang ingin ditujukan kepada Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar.	Soalan diluluskan oleh pensyarah.
2.00 ptg – 3.00 ptg	20 Okt 2018	Menghubungi Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar untuk mendapatkan tarikh ditemubual.	Mendapat tarikh untuk ditemubual.

2.00 ptg – 3.00 ptg	30 Okt 2018	Mendapatkan surat kebenaran rasmi UiTM.	Maendapatkan surat.
10.00 pg – 11.00 pg.	1 Nov 2018	Menghantar senarai soalan kepada Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar.	Soalan dihantarkan kepada Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar.
11.00 pg – 12.00 pg.	3 Nov 2018	Mengingatkan Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar mengenai tarikh temubual.	Mengingatkan Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar dan bertanyakan mengenai masa.
2.30 ptg – 3.00 ptg	5 Nov 2018	Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar menghubungi kami terpaksa menukar tarikh untuk menemubual.	Mendapatakan tarikh baru untuk di temubual.
10.00 pg – 10.30 pg	7 Nov 2018	Mendapatkan surat kebenaran rasmi UiTM yang baru.	Mendapatkan surat.

2.00 ptg – 4.00 ptg	11 Nov 2018	Perjumpaan bersama Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar di rumah beliau.	Temubual bermula.
4.30 ptg – 5.00 ptg	11 Nov 2018	Memberi hadiah dan cendera mata kepada Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar setelah selesai sesi temubual.	Hadiah diberikan kepada Engku Muhamad Nazir Bin Ustaz Haji Raja Omar.

SENARAI SOALAN

RANGKA SOALAN TEMU BUAL BERSAMA ENGGU MOHAMMAD NAZIR BIN RAJA OMAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah soalan-soalan yang akan diajukan untuk mengetahui sejarah lisan mengenai latar belakang Rumah Tengku Bongsu.

Bersama-sama kami ialah Tengku Mohd Nazir yang merupakan pengerusi persatuan sejarah Kelantan. Rakaman ini akan dijalankan pada 12 November 2018 bersamaan dengan hari isnin pada pukul 2 petang.

Temubual ini akan dikendalikan oleh Alia Farhana Binti Yusof dan Muhammad Amer Aiman Bin mohd Razani

Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

PENGENALAN AWAL LATAR BELAKANG

1. Apakah nama penuh Tuan?
2. Apakah nama panggilan Tuan?
3. Bilakah tarikh Tuan dilahirkan?
4. Dimanakah Tuan dilahirkan ?
5. Dimanakah tempat asal Tuan dibesarkan?
6. Siapakah nama Ibu Tuan?
7. Siapakah nama ayah Tuan?
8. Berapa orang adik beradik Tuan?
9. Anak yang ke berapa dari adik beraik?
10. Siapakah idola tuan?

SEJARAH PENDIDIKAN.

11. Dimanakah Tuan mula bersekolah rendah?
12. Pada tahun berapa Tuan tamat sekolah rendah?
13. Dimanakah Tuan bersekolah menengah?
14. Pada tahun berapa Tuan sekolah menengah?
15. Dimanakah Tuan menyambung pelajaran di peringkat universiti?
16. Apakah pencapaian terbaik yang pernah Tuan peroleh?
17. Apakah kenangan yang paling manis sepanjang Tuan di peringkat pengajian?
18. Apakah kenangan yang paling pahit Tuan sepanjang di peringkat pengajian?
19. Apakah tips kejayaan Tuan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap yang membanggakan?

SEJARAH PEKERJAAN AWAL

20. Apakah bidang pekerjaan yang Tuan pilih setelah tamat pengajian?
21. Adakah pekerjaan itu membuatkan Tuan rasa berpuas hati?
22. Berapa lama Tuan berkhidmat atau berkerja di situ?
23. Pada tahun bilakah Tuan mula berkerja di situ?
24. Mengapakah Tuan berminat menceburi bidang tersebut sebagai pekerjaan Tuan?
25. Apakah pencapaian terbaik Tuan semasa di alam pekerjaan?
26. Apakah perasaan yang membuatkan Tuan untuk mula berkerja di situ?

SEJARAH LATAR BELAKANG RUMAH TENGGU BONGSU

27. Apakah nama saintifik sebenar Rumah Tengku Bongsu ini?
28. Pada tahun bilakah Rumah Tengku Bongsu ditubuhkan di Daerah Machang?
29. Adakah nama Rumah Tengku Bongsu ini digunapakai sejak dari awal pembinaanya lagi?
30. Bagaimanakah rumah tersebut mendapat gelaran dengan nama tengku bongsu?
31. Pada tahun berapa Rumah Tengku Bongsu ini dirasmikan?
32. Siapakah yang merasmikan Rumah Tengku Bongsu ini?
33. Pada tahun berapa nama ini ditukar kepada nama Rumah Tengku Bongsu?
34. Siapakah pengasas Rumah Tengku Bongsu ini?

35. Apakah hubungkait Tuan dengan pengasas Rumah Tengku Bongsu ini?
36. Pada tahun bilakah Rumah Tengku Bongsu ini siap dibina?
37. Apakah sebab utama Rumah Tengku Bongsu ini ditubuhkan?
38. Berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan seni bina yang unik Rumah Tengku Bongsu tersebut?
39. Apakah cabaran yang dihadapi ketika menyiapkan seni bina Rumah Tengku Bongsu?
40. Berapa banyakkah jumlah peruntukan yang digunakan untuk menyiapkan seni bina Rumah Tengku Bongsu tersebut?
41. Siapakah yang terlibat dalam membina seni bina Rumah Tengku Bongsu tersebut?
42. Berapakah jumlah bilik yang ada di dalam rumah tersebut?
43. Apakah salah satu bahan binaan yang unik yang digunakan untuk membina Rumah Tengku Bongsu tersebut?
44. Adakah segala kelengkapan Rumah Tengku Bongsu sudah tersedia dan mencukupi setelah siap dibina?
45. Adakah rumah tersebut dihiasi dengan lingkaran dan ukiran kayu yang unik di semua sudut di dalam rumah tersebut?
46. Berapakah keluasan rumah tersebut?
47. Berapakah keluasan tapak tanah yang digunakan untuk membina rumah ini?
48. Berapa lama masa yang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan Rumah Tengku Bongsu ini?
49. Adakah reka bentuk Rumah Tengku Bongsu ini diilhamkan dari mana-mana sumber?
50. Pernahkah Rumah Tengku Bongsu diubahsuai?
51. Adakah Rumah Tengku Bongsu pernah berpindah milik?
52. Jika rumah ini pernah berpindah milik, bagaimanakah proses-proses yang diambil untuk selesaikan cara rumah ini berpindah milik kepada pemilikan yang baru?
53. Adakah rumah Tengku Bongsu jika berpindah milik, ia menetapkan hak milik hanya mengikut legasi keluarga sahaja?
54. Adakah Rumah Tengku Bongsu ini berkait rapat dengan keturunan diraja?
55. Apakah keturunan yang terlibat dalam seni bina Rumah Tengku Bongsu ini?
56. Adakah Rumah Tengku Bongsu ini mendapat lebih perhatian dari pelancong-pelancong luar negara?

57. Bagaimanakah penerimaan penduduk terhadap penubuhan Rumah Tengku Bongsu ini?
58. Siapakah yang pernah terlibat dalam mendiami Rumah Tengku Bongsu tersebut?
59. Adakah Rumah Tengku Bongsu ini pernah dijadikan tempat untuk menyewa?
60. Siapakah yang pernah terlibat dalam menyewa Rumah Tengku Bongsu tersebut?
61. Berapa lamakah penyewa dibenarkan menyewa rumah ini?
62. Adakah keistimewaan rumah tersebut sehingga menarik perhatian penyewa untuk menyewa rumah tersebut?
63. Adakah rumah ini pernah dijadikan tempat untuk membuat kerja kerja lain selain berteduh untuk menginap?
64. Adakah rumah ini pernah dijadikan tempat untuk berlindung semasa peperangan zaman Jepun dahulu?
65. Adakah Rumah Tengku Bongsu ini sudah siap dibina sepenuhnya ketika berlakunya peperangan zaman Jepun dahulu kala?
66. Adakah sejarah yang boleh diketengahkan tentang Rumah Tengku Bongsu ini dengan zaman peperangan jepun dahulu?
67. Adakah rumah ini pernah diancam semasa berlakunya peperangan pada zaman dahulu?
68. Adakah rumah ini banyak meninggalkan kesan yang tidak boleh dilupakan?
69. Adakah rumah ini pernah diceroboh masuk oleh penjajah atau perompak?
70. Adakah strategi yang diambil untuk mengawal Rumah tengku Bongsu ini tidak diancam pada peperangan zaman Jepun dahulu?
71. Apa pendapat Tuan tentang faktor-faktor keutuhan seni bina Rumah Tengku Bongsu ini?
72. Mengapa rumah ini dikatakan dapat menarik perhatian pelancong luar negara yang datang untuk membuat sebarang penyelidikan?
73. Adakah rumah tersebut ada berkait rapat dengan keturunan mereka?
74. Sehingga kini, siapakah yang bertanggungjawab menguruskan rumah tersebut?
75. Sehingga hari ini, Siapakah yang mendiami rumah tersebut?
76. Adakah keluarga yang rapat atau orang luar yang mendiami rumah tersebut?
77. Adakah Rumah Tengku Bongsu kini dijaga dengan keadaan yang terkawal atau tidak terkawal?
78. Adakah Rumah Tengku Bongsu ini pernah dibiarkan begitu sahaja?

79. Adakah Rumah Tengku Bongsu sekarang telah diubah suai atau masih kekal seperti seni bina yang terdahulu?
80. Mengikut pandangan Tuan, adakah rumah ini pernah mendapat pengiktirafan daripada arkib negeri?
81. Adakah pihak arkib pernah menawarkan untuk membayar Rumah Tengku Bongsu untuk dijadikan sebagai rumah yang bersejarah?
82. Apakah yang menarik perhatian arkib negeri untuk mendapatkan sejarah Rumah Tengku Bongsu tersebut?
83. Adakah keuni kan dan seni bina rumah tersebut turut dinilai untuk pihak arkib mendapatkan maklumat sejarah yang tercipta di rumah tersebut?
84. Apakah perasaan Tuan apabila pihak laman sesawang pencinta sejarah Kelantan memperkenalkan sedikit sejarah tentang Rumah Tengku Bongsu ke dalam media sosial?
85. Adakah ia akan membuka mata banyak pihak tentang kewujudan Rumah Tengku Bongsu yang bersejarah ini?
86. Adakah ia akan lebih mendapat perhatian dari orang ramai untuk mengetahui kewujudan Rumah Tengku Bongsu?
87. Apakah perasaan Tuan jika Rumah Tengku Bongsu mendapat perhatian dari orang ramai?
88. Adakah Tuan merasa peninggalan Rumah Tengku Bongsu ini banyak memberi manfaat atau kebaikan kepada keluarga dan kerabat Tuan?
89. Apakah salah satu manfaat dan kebaikan yang boleh diketengahkan?
90. Apakah kejayaan yang paling berjasa yang boleh dilihat tentang sejarah penubuhan Rumah Tengku Bongsu tersebut?
91. Adakah ia akan menjadi rumah yang sentiasa diingati oleh banyak pihak kerana keutuhan dan seni bina yang begitu lama?
92. Pada pendapat Tuan, adakah dengan mengetahui kewujudan Rumah Tengku Bongsu tersebut, ia akan dapat menarik minat seseorang untuk mengetahui dengan lebih lanjut benda-benda bersejarah sepertimana sejarah yang ada pada keutuhan Rumah tengku Bongsu?

PESANAN DAN HARAPAN BERKAITAN RUMAH TENGGU BONGSU

93. Apakah harapan yang ingin diketengahkan terhadap penubuhan Rumah Tengku Bongsu yang masih lagi utuh dan kekal hingga sekarang
94. Adakah Rumah Tengku Bongsu boleh dijadikan satu nilai sejarah yang tidak boleh dilupakan kerana berkait rapat dengan penyewa tentera british?
95. Apakah pesanan yang boleh diterapkan kepada pelancong luar negara yang datang untuk melihat persekitaran Rumah Tengku Bongsu?
96. Apakah harapan Tuan terhadap rumah ini jika pihak arkib negeri ingin membayar rumah tersebut untuk dijadikan satu sejarah yang menarik?
97. Adakah persepsi Tuan jika keunikan seni bina rumah ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang bernilai dari segi aspek sejarah ynag berkait rapat dengan zaman dahulu?
98. Apakah pesanan yang boleh ditujukan untuk memberi perlindungan yang lebih mendalam terhadap Rumah Tengku Bongsu?
99. Adakah Tuan berharap orang akan ambil tahu atau mengetahui tentang kewujudan Rumah Tengku Bongsu tersebut?
100. Adakah Tuan mempunyai apa – apa pesanan kepada orang diluar sana terhadap Rumah Tengku Bongsu tersebut?
101. Apakah perancangan Tuan untuk masa akan datang?

SKRIPT PENUTUP

Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai Rumah Tengku Bongsu bersejarah bersama Tengku Mohd Nazir.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini.

Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

SENARAI GAMBAR



Gambar 2 : Bersama Engku Nazir

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Engku Mohammad Nazir Bin Raja Omar K/P: Pada 12 November 2018 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.
Walaupun bagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Pengkisah

(Engku Mohammad Nazir Bin Raja Omar)

Ketua Pusat Pengajian Fakulti
Pengurusan Maklumat UiTM
Cawangan Kelantan Kampus
Machang

INDEKS

INDEKS

A

After 17

B

Best 19

Bisul 16

C

Can 17, 42, 43, and 51

Cari 11, 16, 17, 22, 28, 33, 34, and 52

D

Dream 17

E

Ertika 48

F

Formal 18

G

Group 13

Guide 16

H

Hamzah 9, 18, and 48

K

KLCC 21

Kota Bharu 18, 19, and 48

Kuala Terengganu 9, 18, and 48

P

Perfect 15, 16, and 17

S

Sentimental 36, 39, and 50

Sunderland 9, 18, 21, 44

V

Value 36, 39, and 50

U

University 9, and 19